



Oktober
2021

Mengembara atau pulang ke Australia

Maklumat tentang biokeselamatan untuk pengembara



Undang-undang biokeselamatan Australia sangat ketat. Tujuannya adalah untuk melindungi pertanian serta persekitaran dan hidupan liar yang unik di Australia daripada haiwan perosak dan penyakit.

Sebelum anda tiba di Australia

Isi akuan penumpang masuk. Menurut undang-undang, anda mesti mengisytiharkan barangan berisiko, jika ada, termasuklah makanan, bahan tumbuhan dan produk haiwan yang tertentu. Ini merangkumi barangan yang disediakan secara komersial serta makanan, kudapan dan bahan masakan yang dibungkus, segar, dikeringkan, dimasak, dibekukan atau yang sedikit amaunnya.

Jangan bawa makanan keluar daripada kapal terbang atau kapal.

Apabila anda tiba di Australia

- Lalui pemeriksaan imigresen.
- Ambil bagasi anda.
- Pergi ke ruang pemeriksaan biokeselamatan untuk mengemukakan akuan penumpang masuk dan barangan yang hendak anda isytiharkan kepada pegawai biokeselamatan.
- Beg-beg anda mungkin diperiksa oleh pegawai biokeselamatan, anjing pengesan atau sinar X, walaupun anda tidak mengisytiharkan sebarang barangan berisiko.

Apa akan berlaku jika anda tidak mengisytiharkan barangan berisiko

Jika anda memberikan maklumat yang palsu atau yang mengelirukan kepada pegawai biokeselamatan ataupun pada akuan penumpang masuk, atau jika anda tidak menjawab soalan-soalan mengenai barangan yang berkenaan atau mematuhi arahan yang diberikan oleh pegawai biokeselamatan, anda mungkin:

- diberi notis pelanggaran yang menyatakan amaun denda yang dikenakan, iaitu tidak melebihi A\$2,664
- tertakluk kepada prosiding hukuman sivil, dan/atau
- didakwa melakukan kesalahan jenayah. Jika disabitkan, anda mungkin didenda tidak melebihi A\$1.1 juta dan/atau dipenjarakan tidak melebihi 10 tahun.

Visa anda juga mungkin dibatalkan dan jika demikian, anda tidak akan dibenarkan memasuki Australia.

Anda tidak akan dihukum di bawah *Akta Biokeselamatan 2015* jika anda mengisytiharkan dan mengemukakan semua barangan, walaupun barangan itu tidak dibenarkan memasuki Australia.

Cara menyemak sama ada barangan boleh dibawa masuk ke Australia

Lihat awe.gov.au/bringing-goods.

Untuk mengetahui syarat-syarat import atau keperluan dokumentasi secara khususnya, lihat sistem Syarat-syarat Import Biokeselamatan (BICON) di awe.gov.au/bicon.

Jika anda memerlukan permit import, anda mesti memohonnya dan menerimanya sebelum anda membawa barangan itu ke Australia.

Jika anda kurang pasti, jangan bawa makanan, bahan tumbuhan dan produk haiwan.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, telefon **1800 900 090** atau kirimkan e-mel ke imports@awe.gov.au.

Apa harus dilakukan jika anda menemui risiko biokeselamatan selepas anda tiba

Jika anda menjumpai haiwan yang masih hidup, serangga, tanah, bahan tumbuhan atau benda-benda lain yang berisiko ketika mengeluarkan barang, telefon **1800 798 636**. Anda tidak akan dihukum.

Apa akan berlaku pada barangan yang anda isytiharkan

Pegawai biokeselamatan akan memeriksa barangan yang anda kemukakan dan mungkin meminta maklumat selanjutnya atau dokumentasi.

Barangan yang dibenarkan masuk dan lulus pemeriksaan akan dipulangkan kepada anda. Jika barangan itu tidak lulus pemeriksaan, anda mungkin perlu membayar supaya barangan itu dirawat, dieksport daripada Australia atau dimusnahkan. Pegawai biokeselamatan yang bertugas itu akan memberitahu anda.

Anda mesti mengisytiharkan makanan, bahan tumbuhan dan produk haiwan yang tertentu. Yang berikut adalah beberapa contoh, tetapi ingatlah jika anda kurang pasti, isytiharkan sahaja!

Produk tenusu dan telur

- susu tepung untuk bayi
- keju, susu dan dadih
- telur dalam bentuk sebutir, yang dikeringkan dan serbuk
- mayones
- mi dan pasta

Bahan tumbuhan

- tumbuh-tumbuhan hidup
- biji, bebawang dan keratan
- bunga segar dan kering
- hasil pertukangan dan perhiasan
- barangan kayu

Makanan

- makanan daripada kapal terbang atau kapal
- makanan dan bahan yang mentah dan yang dimasak
- padi, beras dan nasi
- hidangan berbungkus
- madu
- herba dan rempah, termasuklah teh herba dan ubat-ubatan

Buah-buahan dan sayur-sayuran

- segar dan beku
- jeruk dan kering

Produk daging lembu, ayam, itik dan makanan laut

- segar, kering, beku, masak, salai, kering masin atau jeruk

Makanan dan peralatan untuk haiwan

- makanan atau kudapan untuk haiwan peliharaan
- ubat-ubatan
- pelana
- peralatan veterinar, pendandanan, pemotongan bulu dan pemeliharaan lebah

Haiwan hidup dan produk haiwan

- telur dan sarang
- bulu pelepah, tulang, tanduk, kulit, bulu haiwan dan rambut
- haiwan dan burung awet
- cangkerang dan batu karang
- lilin lebah dan produk lebah yang lain

Kekeras, biji, kacang dan bijian

Peralatan dan kasut untuk aktiviti luar bangunan, perkhemahan dan kesukanan

- but kembara berjalan kaki
- peralatan memancing
- apa-apa sahaja yang mungkin boleh tercemar oleh tanah, biji atau air

Barangan lain

Barangan yang berikut bukan risiko biokeselamatan:

- minuman keras dan rokok
- peralatan elektronik (termasuklah komputer riba, tablet, telefon dan kamera)
- barang-barang berharga (termasuklah barang kemas, jam tangan dan wang).

Barang-barang import ini dikawal atur oleh Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri dan mereka mungkin perlu memeriksa dan meluluskan barangan ini sebelum barangan tersebut dilepaskan. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang cara barangan ini diluluskan untuk melintasi sempadan dan juga tentang duti import dan cukai, lihat homeaffairs.gov.au.

Bagi ubat-ubatan yang dibeli dengan atau tanpa preskripsi serta barangan terapi yang lain, semak dengan pihak Pentadbiran Barangan Terapi di tga.gov.au.

Untuk mendapatkan maklumat tentang pergerakan spesies tumbuhan dan haiwan yang tersenarai di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Fauna Dan Flora Liar Yang Terancam (CITES), termasuklah sirip ikan yu, kulit ular, gading, cangkerang penyu dan orkid nadir, semak di awe.gov.au/biosecurity-trade/wildlife-trade/non-commercial.



Telefon 1800 900 090 atau
+61 3 8318 6700 (dari luar Australia)

© Komanwel Australia 2021.

Maklumat di dalam lembar fakta ini betul pada waktu penerbitan.
Syarat-syarat pengimportan biokeselamatan mungkin berubah tanpa notis.



awe.gov.au/travelling

Facebook: Australian Biosecurity

Twitter: @DeptAgNews